

VARIASI SOSIAL BAHASA MELAYU DI KUCHING: SATU DIALEKTOLOGI SOSIAL BANDAR

Wan Robiah Meor Osman dan Idris Aman

Abstrak

Makalah ini meneliti keterikatan variabel fonologi dengan variabel sosial serta melihat variasi fonologi yang sering digunakan oleh masyarakat bandar raya Kuching, Sarawak. Enam variabel fonologi yang dikaji ialah (a1), (a2), (r), (h), (ai) dan (au). Penggunaan variabel fonologi tersebut diteliti dalam empat gaya bahasa, iaitu gaya daftar kata, gaya membaca petikan, gaya perbualan formal dan gaya bersahaja, serta berasaskan kelompok sosial yang dilihat dari segi pekerjaan, pendapatan, pendidikan dan jenis rumah. Kajian ini berlandaskan dialektologi sosial bandar. Didapati bahawa fonologi kelompok sosial menengah cenderung mengalami perubahan berbanding kelompok sosial bawahan. Perubahan fonologi ini berlaku mungkin disebabkan oleh elemen konteks sosial, seperti status ekonomi yang meningkat, suasana pekerjaan, taraf pendidikan dan ruang lingkup komunikasi yang luas dan pelbagai. Kelompok bawahan pula, walaupun masih mengekalkan identiti fonologi dialek Melayu Sarawak, pengekalannya adalah pada tahap yang sederhana. Hasil kajian berdasarkan keenam-enam variabel fonologi yang diteliti membayangkan bahawa integrasi bahasa, khususnya sebutan mula berlaku di kalangan masyarakat bandar Kuching dengan sebutan standard masyarakat di Semenanjung Malaysia.

Abstract

This article discusses the inter-connection between variables of phonology and social variables and phonological variations frequently used by urban community of Kuching, Sarawak. Six phonological variations focused are (a1), (a2), (r), (h), (ai) and (au). The usage of the phonological variables is explored in four different types of lan-

guage styles, namely word list, passage, interview, and casual, based on socio-economic status (SES), i.e. occupation, income, education, and housing indices. The study is based on sociological urban dialectology. This study reveals that the middle SES group is prone to experience phonological shift compared with the lower group. The shift is probably due to social context elements such as better economic status, work environment, education level and a wider scope of communication. Even though the lower group retains their phonological identity of the original Sarawak Malay dialect, it remains at a mediocre level. The result also shows that at present there is language integration, especially in pronunciation between the urban communities of Kuching with standard pronunciation in Peninsular Malaysia.

PENDAHULUAN

Dialektologi ialah kajian tentang dialek (Chambers dan Trudgill, 1990). Ada yang menyatakan dialektologi sebagai satu subdisiplin tersendiri dalam bidang ilmu linguistik dan terdapat perbezaan antara dialektologi dengan kajian tentang dialek. Ajid Che Kob (1991:4) misalnya, menyatakan bahawa subdisiplin ini mempunyai sejarah perkembangan, perkaedahan dan objektif-objektifnya yang tersendiri, samalah dengan subdisiplin yang lain, seperti semantik, linguistik perbandingan/sejarah, linguistik terapan, dan sebagainya. Walaupun terdapat pelbagai pendapat mengenai pentakrifan dialektologi, persoalan yang penting ialah bidang tersebut merupakan suatu disiplin ilmu yang menjurus kepada pengkajian dialek dan ia tidak dapat dipisahkan. Bloomfield (1933) yang dipetik daripada Collins (2002:136) berpendapat bahawa dialektologi memungkinkan kajian dialek. Deskripsi dialek dan analisis dialektologi tidak dapat diceraikan; malahan hubungan itu harus diakui sebagai hubungan yang dinamik.

Oleh itu, penulis berpendapat bidang ini merupakan satu subdisiplin linguistik yang terdiri daripada kajian dialektologi tradisional dan dialektologi sosial. Dialektologi tradisional atau dikenali juga dialek geografi menumpukan perhatian kepada dimensi ruang dan masa. Dialektologi sosial pula ialah pengkajian bahasa (dialek) sebagai fenomena sosial yang merangkumi penelitian variabel sosial yang meliputi kelas sosial, umur, jantina dan penelitian konteks sosial, seperti gaya berbahasa dan faktor situasi yang berlaku dalam interaksi semasa kajian dijalankan. Lazimnya, dialektologi sosial menumpukan kajiannya kepada masyarakat bandar, maka ia dikenali sebagai dialektologi sosial bandar.

PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan dialek bandar telah berkembang sekian lama di Barat. Ahli-ahli linguistik Barat mula menyedari kepentingan faktor sosial dalam penyelidikan dialek yang sebelum itu lebih cenderung kepada perubahan bahasa dari segi dimensi ruang semata-mata, dan menolak faktor-faktor sosial (Chambers dan Trudgill, 1990:70). Rentetan daripada kesedaran tersebut wujudlah penyelidikan dialek di bandar yang diperkenalkan oleh ahli-ahli linguistik, seperti Labov (1966) dan Trudgill (1974). Sarjana Barat ini mula memperkenalkan kaedah penyelidikan sosial di bandar.


Di Malaysia, perkembangan dialektologi sosial kurang mendapat perhatian pengkaji berbanding dengan kajian dialektologi tradisional. Fenomena penyisihan kajian dialektologi sosial oleh pengkaji-pengkaji bahasa amat ketara (Idris Aman, 1995). Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (1993:xiii) dalam Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan mengatakan bahawa amat sedikit kajian yang dijalankan melibatkan dialek bandar atau kajian yang berasaskan faktor sosial. Di Malaysia, hanya satu kajian yang benar-benar memanfaatkan konteks sosial dalam melihat jalinannya dengan angkubah linguistik ialah kajian yang dilakukan oleh Idris Aman (1995) dengan penerapan kaedah penyelidikan Trudgill (1974).

Kaedah Kajian

Dialektologi sosial bandar merupakan suatu kaedah yang mengambil kira faktor sosial, seperti umur, jantina, pendidikan, status ekonomi (SES), gaya berbahasa, dan sebagainya dalam penghuraian bahasa. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan kaedah penyelidikan dialektologi sosial bandar oleh Trudgill (1974) dan Idris Aman (1995) dengan beberapa penyesuaian. Ini melibatkan pemilihan kawasan bandar kajian, sampel, gaya berbahasa, dan variabel fonologi.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian ini ialah Bandar Raya Kuching. Kuching ialah bandar yang terbesar di Sarawak dan telah diisytiharkan sebagai sebuah bandar raya pada 1 Ogos 1988. Bandar raya ini dibahagikan kepada dua kawasan, iaitu Kuching Utara dan Kuching Selatan. Luas kawasan Kuching Utara ialah 53.19 km persegi, manakala luas kawasan Kuching Selatan pula ialah 16.015



Rajah 1 Peta Kedudukan Kawasan Kajian di Petra Jaya Kuching, Sarawak.

Petunjuk:

○ Kawasan Kajian

Sumber: Pengarah Jabatan Tanah dan Survei 2000.

km persegi. Kawasan Kuching Utara telah diperluas kawasannya hingga 369.48 km persegi pada 1 September 1992.

Bahagian Kuching merupakan bahagian terkecil di kalangan sembilan bahagian Sarawak. Keluasannya menjangkau 4566 kilometer persegi dan terdiri daripada daerah Kuching, Bau, dan Lundu. Walaupun keluasannya kecil, bahagian ini mempunyai penduduk melebihi setengah juta orang. Dalam laporan banci penduduk tahun 2000, Kuching mempunyai bilangan penduduk seramai 509 374 orang. Kebanyakan penduduk tinggal di Kuching

dan di sekitarnya, dan tiga buah majlis tempatan ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan kepada penduduknya yang ramai, iaitu Majlis Bandar Raya Kuching Selatan, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Perbandaran Padawan. Kawasan pentadbiran Kuching Utara meliputi Petra Jaya (pusat pentadbiran kerajaan negeri Sarawak) hingga ke pusat bandar raya di hujung Tebingan Kuching. Kuching Selatan pula merangkumi pusat perniagaan Kuching sehingga Batu Tiga. Kawasan selebihnya diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Padawan.¹

Kajian ini dilakukan di bahagian Petra Jaya, iaitu pusat pentadbiran kerajaan negeri Sarawak. Kawasan ini dipilih kerana lokasinya yang pesat membangun dan merupakan kawasan bandar moden yang memenuhi kriteria bandar. Tambahan pula, Petra Jaya mempunyai masyarakat yang heterogen sifatnya. Di Petra Jaya, dipilih tiga kawasan perumahan moden dengan infrastruktur yang tersusun dan teratur, iaitu Taman Sri Wangi, Taman Hussein dan Rancangan Perumahan Rakyat Fasa II.² Pemilihan lokasi perumahan ini bersesuaian dengan pendapat yang dikemukakan oleh Moser (Trudgill, 1974:22) yang mengatakan persampelan yang besar memungkinkan pengkaji mengambil langkah memilih beberapa kawasan sahaja di dalam bandar yang dikaji.³ Pendekatan ini memberikan kelebihan kerana kawasan yang kecil lebih menjimatkan masa dan memudahkan pengumpulan data dilakukan.

1 Semua laporan mengenai Bandar Raya Kuching dan Petra Jaya tersebut dipetik daripada:

- i. Development in Sarawak an Aerial Perspective, 2000. State Planning Unit. Chief Minister's Department Sarawak.
 - ii. Sejarah Bandar Raya Kuching. Terbitan DBKU, *Buletin Bandaraya* Julai-Disember 1993.
 - iii. Julaini Wahid, 1992. Laporan Akhir Kaji Bentuk Bandar Analisis Lima Bandar Utama Sarawak.
 - iv. Buyong Adil, 1981. *Sejarah Sarawak*.
 - v. Mazlan Abdullah, 1978. *Sejarah Malaysia Timur*.
 - vi. Sejarah Kuching. <http://www.dbku.my/sejarah.htm>.
- 2 Rancangan Perumahan Rakyat Fasa II dikenali juga sebagai Kampung Tunku merupakan perumahan moden dan tersusun yang diselenggarakan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).
- 3 Teks asal '*Let us suppose that a sample of individuals is to be selected in a town with a population of 250 000*'. *Most probably, one would decide to concentrate the interviews in a few areas, so the first step may be to pick some of the wards in the town.*

Persampelan

Persampelan diperoleh berdasarkan pendekatan Trudgill (1974), dengan menggunakan kaedah sampel separuh rawak (*quasi-random sampel*).⁴ Kaedah ini menyenaraikan rumah di ketiga-tiga kawasan perumahan mengikut enam jenis rumah, iaitu sesebuah setingkat, sesebuah dua tingkat, berkembar setingkat, berkembar dua tingkat, teres setingkat dan teres dua tingkat. Contoh pengiraan sampel⁵ adalah seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Jumlah populasi/jumlah jenis rumah} = 280}{\text{Bilangan pemaklum yang diingini} = 6} = 46$$

Pemilihan nombor dilakukan ialah 2^6 maka bilangan rumah nombor 2 akan dijadikan pemaklum pertama. Untuk mendapatkan pemaklum seterusnya, bilangan nombor 2 ditambah 46, iaitu 48; maka bilangan nombor rumah 48 terpilih menjadi pemaklum kedua, begitulah langkah seterusnya untuk mendapatkan enam orang pemaklum berdasarkan jenis rumah yang diingini. Contoh bilangan nombor rumah yang diperoleh ialah 2, 48, 94, 140, 186, dan 232.

Bilangan rumah yang dipilih secara separuh rawak dalam kajian ini ialah 36 buah rumah, daripada jumlah ini, hanya 18 buah rumah dipilih. Setiap jenis rumah diwakili oleh tiga orang pemaklum.⁷

Temu Bual

Temu bual yang dilakukan di dalam kajian ini berdasarkan pembinaan soalan-soalan yang mengambil kira setiap gaya berbahasa yang diperhatikan. Terdapat lima bahagian yang dibina bagi mencungkil gaya perbualan rasmi dan gaya bersahaja. Soalan-soalan ini disediakan mengikut kesesuaian keadaan pada masa kajian lapangan dilakukan (untuk keterangan lanjut, sila rujuk Bahagian Soal Selidik).

4 Pemilihan kaedah sampel separuh rawak dilakukan apabila populasi kajian adalah besar dan dipilih melalui senarai yang dilakukan terlebih dahulu (Trudgill, 1974: 21).

5 Pengiraan sampel ini berdasarkan Trudgill (1974: 22).

6 Pemilihan nombor ini adalah bersifat bebas.

7 Setiap jenis rumah mempunyai 6 pemaklum, namun penulis hanya memilih 3 orang pemaklum sahaja. Pemilihan 3 orang pemaklum dipilih mengikut selang satu. Contoh bilangan nombor rumah 2, 48, 94, 140, 186, 232 maka penulis akan memilih 2, 94 dan 186. Jika terdapat pemaklum yang gagal ditemui maka penulis akan memilih salah satu daripada tiga rumah gantian tersebut.

Soal Selidik⁸

Soalan-soalan soal selidik ini dibina khusus bagi kajian di bandar Kuching dan mengikut kesesuaian keadaan pada masa kajian lapangan dilakukan.⁹ dengan pemecahan soalan kepada lima bahagian, iaitu A, B, C, D dan E (lihat lampiran). Bahagian A, B dan C merupakan soalan-soalan yang dibina bagi mencungkil gaya perbualan formal manakala bahagian D dan E adalah soalan-soalan untuk mencungkil gaya bersahaja.

Variabel Gaya Berbahasa

Empat gaya bahasa digunakan untuk memperlihatkan keterikatannya dengan variabel fonologi. Gaya berbahasa berkenaan ialah gaya membaca daftar kata (GDK), gaya membaca petikan (GMP), gaya perbualan (GP) dan gaya bersahaja (GB). Dua daripada gaya bahasa tersebut ialah gaya berteks, iaitu GDK dan GMP dan dua lagi ialah gaya perbualan, iaitu GPF dan GB. Gaya-gaya berbahasa ini berbeza darjah keformalannya. (Lihat Lampiran A, A1, dan A2).

Variabel Status Sosial

Status sosial ialah variabel yang penting dalam sesuatu kajian sosial (Miller, 1991:327). Penilaian status sosial dalam kajian ini bertujuan mengenal pasti dan membuat pemecahan kelompok sosial bagi melihat keterikatan variabel fonologi dengan variabel sosial yang diteliti. Dalam masyarakat bandar, terutama apabila kita membuat kajian di satu kawasan tertentu, kita tidak boleh menyetepikan perbezaan status sosial yang wujud. Status sosial ialah satu gagasan yang kompleks, tetapi ahli-ahli bahasa dalam mengelaskan informan telah menggunakan pendekatan yang asas, terutama sekali apabila kaedah ini mendatangkan hasil yang memuaskan. Lazimnya, penutur-penutur digolongkan berdasarkan faktor-faktor seperti pekerjaan, pendapatan, pendidikan dan tempat tinggal (Chambers dan Trudgill, 1990:77).

Kajian ini mengaplikasikan kaedah pelbagai indeks sosial oleh Trudgill (1974), iaitu pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan jenis rumah, manakala

8 Lihat Lampiran A, A1 dan A2 yang memaparkan contoh soal selidik dalam kelima-lima bahagian berserta lampiran senarai kata dan petikan cerita.

9 Contoh soalan soal selidik ini diambil berdasarkan Trudgill (1974) dan Idris Aman (1995) dengan beberapa pengubahsuaian bagi disesuaikan dengan kajian di Bandar Raya Kuching.

dua indeks selebihnya yang digunakan oleh Trudgill, iaitu lokasi perumahan dan pekerjaan bapa tidak digunakan. Lokasi perumahan telah pun ditetapkan secara tidak langsung di lokasi kawasan kajian dan persampelan, dan merupakan satu indeks yang saling berkait antara satu sama lain. Sementara itu, pekerjaan bapa tidak digunakan oleh penulis kerana semua pemaklum yang ditemui ialah mereka yang bekerja.

Pemecahan setiap indeks ini diberikan nilai 0 hingga 7 mata bagi setiap orang pemaklum setelah semua maklumat diperolehi. Jumlah nilai indeks kelompok sosial bagi setiap pemaklum adalah antara 0 hingga 24 mata.

a. Pekerjaan

Dalam kajian ini, pekerjaan adalah salah satu pengukur yang digunakan bagi memperlihatkan status sosial pemaklum yang dikaji. Contoh indeks pekerjaan yang diperolehi adalah seperti yang berikut:

Jadual 1¹⁰ Indeks pekerjaan.

No.	Kumpulan Pekerjaan	Nilai
1	Pengurusan Tertinggi (awam/swasta) Ahli Perniagaan dan setaraf	6
2	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (awam/swasta) Usahawan dan setaraf	5
3	Kumpulan Sokongan (Diploma/Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan setaraf)	4
4	Kumpulan Sokongan (Sijil Pelajaran Malaysia dan setaraf) Perkeranian/Operasi	3
5	Pekerja Mahir dan setaraf	2
6	Bekerja Sendiri/Perniagaan Kecil/Pekerja Separuh Mahir dan setaraf	1
7	Pekerja Tidak Mahir/Buruh	0

b. Pendapatan

Indeks pendapatan diperolehi daripada pengubahsuaian berdasarkan penelitian mengenai garis kemiskinan dan juga Jadual Gaji dan Sifir Pemandahan Gaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pendekatan

¹⁰ Berdasarkan klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan, Pekeliling Perkhidmatan Sistem Saraan Malaysia 2002 dan Indeks Pekerjaan oleh Idris Aman (1995) dengan beberapa pengubahsuaian.

ini dibuat kerana tidak terdapat suatu ukuran bagi memperlihatkan kedudukan pendapatan seseorang. Ini diakui juga oleh Idris Aman (1995: 87) yang menegaskan bahawa tiada ukuran yang dapat menunjukkan tahap pendapatan yang boleh dirujuk. Oleh yang demikian, berdasarkan garis kemiskinan (pendapatan bulanan isi rumah) di Sarawak, iaitu RM600,¹¹ jumlah ini diletakkan pada tangga yang terakhir dalam indeks pendapatan yang dilakukan.

Jadual 2 Indeks pendapatan.

Pendapatan Bulanan (RM)	Nilai
6801 – 9300	6
4801 – 6800	5
3301 – 4800	4
2301 – 3300	3
1601 – 2300	2
1001 – 1600	1
601 – 1000	0

c. Pendidikan

Skala indeks pendidikan dibuat berdasarkan taraf pendidikan yang terdapat di Malaysia dan berdasarkan Indeks Taraf Pendidikan yang digunakan oleh Idris Aman (1995:88).

Jadual 3 Indeks pendidikan.

Peringkat Pendidikan	Nilai
Ijazah Lanjutan	6
Ijazah Pertama	5
Diploma/STPM/HSC/setaraf	4
Sijil Kemahiran	3
Menengah Atas/SPM/MCE/SPVM/SC	2
Menengah Rendah/SRP/LCE	1
Sekolah Rendah	0

¹¹ Berdasarkan Bernama.Com. 2004. Pelan Induk Basmi Kemiskinan Bandar, Siap Tiga Bulan Lagi. <http://www.bernama.com/bernama/v3/brn/news.php?id=74536>.

d. Jenis Rumah

Miller, D. C. (1991: 327–328) menyatakan bahawa jenis rumah dan kawasan perumahan merupakan satu indikator bagi status sosial. *The Revised Occupational Rating Scale from Warner, Meeker and Eell's Index of Status Characteristics* menegaskan bahawa pekerjaan merupakan satu pengukur di dalam *Index of Status Characteristic*.

Dalam kajian ini, terdapat enam jenis rumah daripada tiga kawasan perumahan, iaitu Taman Sri Wangi, Taman Hussein, dan Rancangan Perumahan Rakyat Fasa II. Daripada enam jenis rumah yang diperoleh, penulis melihat kedudukan pemilikan rumah tersebut, sama ada rumah persendirian atau rumah sewa.¹²

Jadual 4 Indeks jenis rumah.

Jenis Rumah	Nilai
Sesebuah 2 Tingkat (sendiri)	6
Sesebuah 2 Tingkat (sewa)	5
Sesebuah 1 Tingkat (sendiri)	5
Sesebuah 1 Tingkat (sewa)	4
Berkembar 2 Tingkat (sendiri)	4
Berkembar 2 Tingkat (sewa)	3
Berkembar 1 Tingkat (sendiri)	3
Berkembar 1 Tingkat (sewa)	2
Teres 2 Tingkat (sendiri)	2
Teres 2 Tingkat (sewa)	1
Teres 1 Tingkat (sendiri)	1
Teres 1 Tingkat (sewa)	0

e. Pengelompokan Status Sosial

Pengelompokan status sosial ditentukan setelah semua maklumat pemaklum diberi nilai mengikut empat indeks yang dibina, iaitu indeks pekerjaan, indeks pendapatan, indeks pendidikan, dan indeks jenis rumah. Secara keseluruhan, nilai tertinggi bagi pemaklum dalam kajian ini ialah 21 mata, manakala nilai terendah ialah enam mata. Yang berikut ialah jadual pengelompokan kelas sosial yang diperoleh setelah semua proses penjumlahan dilakukan.

¹² Trudgill (1974: 40–41) menyatakan pemilikan rumah persendirian lebih tinggi status sosialnya berbanding dengan rumah yang disewa.

Jadual 5 Kelompok sosial.

Kelompok Sosial	Nilai	Bil.
Kelompok Menengah Atas (KMA)	21 – 24	3
Kelompok Menengah Tengah (KMT)	16 – 20	4
Kelompok Menengah Bawah (KMB)	11 – 15	6
Kelompok Bawah Atas (KBA)	6 – 10	5
Kelompok Bawah Tengah (KBT)	1 – 5	0
Kelompok Bawah (KB)	0	0

Berdasarkan Jadual 5, terdapat tiga orang pemaklum yang mencatatkan jumlah 21 mata bagi keempat-empat indeks sosial yang dikelompokkan dalam KMA, manakala sebanyak empat orang pemaklum dalam KMT dengan jumlah 16 hingga 20 mata. Sementara itu, KMB mencatatkan kelompok sosial yang paling ramai pemaklum berbanding dengan kelompok sosial yang lain, iaitu enam orang dan jumlah nilai mereka antara 11 hingga 15 mata, KBA pula seramai lima orang pemaklum dengan nilai enam hingga 10 mata. Didapati kebanyakan pemaklum tergolong dalam kelompok menengah dan hanya lima orang pemaklum yang tergolong dalam kelompok bawahan (KBA).

Variabel Fonologi

Kajian ini meneliti lima variabel fonologi, iaitu satu vokal (a), dua diftong (ai) dan (au)¹³ dan dua konsonan (r) dan (h). Walaupun terdapat lima variabel fonologi yang dikaji, apabila dipecahkan mengikut jenisnya, variabel (a) terdiri daripada dua variabel, iaitu variabel (a1) dan (a2). Oleh yang demikian, maka di dalam kajian ini terdapat enam variabel yang dikaji, iaitu (a1), (a2), (r), (h), (ai) dan (au).

Perkara yang menarik perhatian penulis ialah melihat corak sebutan di dalam keenam-enam variabel ini, sama ada mengikut sebutan standard bahasa Melayu Malaysia yang lazim atau sebutan berasaskan ejaan.¹⁴ Fenomena ini menarik perhatian penulis kerana terdapat perbezaan sebutan oleh penutur di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak walaupun terdiri daripada satu negara yang sama. Tambahan pula penyebutan standard

¹³ Variabel (ai) dan (au) walaupun masing-masing mempunyai dua jenis iaitu (ai1), (ai2) dan (au1) dan (au2), namun pembahagian ini tidak dilakukan kerana kehadirannya di dalam kajian ini amat sedikit. Oleh yang demikian, kedua-dua variabel ini dianggap sebagai satu variabel sahaja setiap jenis (rujuk variabel (ai) dan (au)).

¹⁴ Lihat Idris Aman (1995: 100–102).

berasaskan ejaan sudah tidak dipraktikkan oleh masyarakat di Malaysia rentetan daripada perisytiharan oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada 9 Februari 2000 yang mengatakan penyebutan standard berasaskan ejaan atau sebutan baku hanya dijalankan di sekolah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bagi urusan-urusan lain di sekolah termasuk pengajaran mata pelajaran selain bahasa Melayu, sebutan biasa digunakan.¹⁵

Analisis Data

Proses analisis data dilakukan setelah semua temu bual selesai dijalankan. Proses analisis bermula dengan meneliti setiap rakaman dan mencatatkan kehadiran setiap variabel dengan variasi-variasinya berdasarkan gaya berbahasa oleh setiap pemaklum.

Jadual 6 Catatan variabel fonologi (h) mengikut kelompok sosial.¹⁶

KS	R	J	U	E	P	I	H	N	GPF	GDK	GMP	GB
KMA	8	P	3	5	5	5	6	21	o//	////	////	///oo
	11	L	4	6	5	4	6	21	o///o//	////	////	////oo//
	18	L	5	4	6	6	5	21	o//oooo////ooooo		////	o/o/oo
KMT	7	L	3	5	5	2	4	16	oo	////	////	/o/
	10	P	2	5	5	3	6	19	o/o	////	////	/ooo
	14	L	4	4	5	4	3	16	oooo	////	////	o//
	17	P	4	4	5	3	5	17	oo//	////	////	//ooo
KMB	4	L	2	4	4	2	2	12	//oo	////	////	/
	6	L	2	3	4	3	4	14	///o/oo	////	////	oooooooooo/ooo
	9	P	2	3	4	2	5	14	/	////	////	oo
	12	L	2	4	4	2	4	14	oooo	////	////	o
	13	P	3	2	4	2	3	11	tiada	////	////	/o
	16	P	4	4	4	2	3	13	o	////	////	oo/oo/o
KBA	1	L	1	2	2	2	2	8	/oooo	////	////	oooo
	2	L	5	1	3	1	1	6	oo	////	/oo//	oooo

15 Petikan kenyataan akhbar oleh Y.B. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia tentang laporan mengenai penggunaan sebutan bahasa baku di sekolah-sekolah pada 9 Februari 2000. <http://www.moe.gov.my/baku.htm>.

16 Jadual 6 dibentuk berdasarkan kaedah yang dilakukan oleh Idris Aman (1995) dengan beberapa penyesuaian.

sambungan Jadual 6

KS	R J U E P I H N	GPF	GDK	GMP	GB
	3 L 5 2 3 2 1 8	o//oooo	////	////	///
	5 P 3 2 2 2 1 7	tiada	////	////	/o
	15 L 5 2 3 1 2 8	oooo	////	////	/

Petunjuk:

KS	Kelompok Sosial:	P	Pekerjaan
	KMA Kelompok Menengah Atas	I	Pendapatan
	KMT Kelompok Menengah Tengah	H	Jenis Rumah
	KMB Kelompok Menengah Bawah	N	Nilaian 4 Indeks
	KBA Kelompok Bawah Atas	GPF	Gaya Perbualan Formal
R	Pemaklum	GDK	Gaya Daftar Kata
J	Jantina:	GMP	Gaya Membaca Petikan
	L Lelaki	GB	Gaya Bersahaja
	P Perempuan	/	Variasi [h]
U	Umur	o	Variasi [O]
E	Pendidikan		

Contoh pengiraan nilai peratusan dan nilai indeks bagi variabel (h) dalam GPF oleh KMA (lihat Jadual 6). Variabel (h) dalam kajian di bandar Kuching terdiri daripada dua variasi, iaitu variasi [h] dan variasi [O]. Untuk mendapatkan nilai peratusan dan nilai indeks bagi variasi [h] dan variasi [O], contohnya adalah seperti yang berikut:

Kelompok Sosial: KMA¹⁷

Variasi	[h]	[O]
Pemaklum	8	1
	11	2
	18	10
Jumlah	16	13
	$\frac{16}{29} \times 100 = 55\%$	$\frac{13}{29} \times 100 = 45\%$

¹⁷ Contoh pengiraan ini berdasarkan Trudgill (1974: 82) dan Idris Aman (1995: 109-110).

Oleh itu: 16 ialah penggunaan (h), iaitu $[h] = 16 \times 1 = 16$
 13 ialah penggunaan (h), iaitu $[O] = 13 \times 2 = \underline{26}$
 29
 Nilai purata ialah: $\frac{42}{29} = 1.45$

Nilai indeks ialah: $1.45 - 1 \times 100 = 045$

Daripada contoh pengiraan ini, dapat dilihat penggunaan variasi [h] oleh KMA dalam GPF ialah sebanyak 55%, manakala variasi [O] pula ialah sebanyak 45%. Nilai indeks bagi variasi [h] ialah 045 mata dan perbezannya dengan variasi [O] ialah 055 mata (pengiraan indeks ini memperlihatkan nilai 000 bagi penggunaan variasi [h] atau (h) secara konsisten, manakala nilai 100 ialah bagi penggunaan variasi [O] atau (h) secara konsisten). Oleh yang demikian, daripada contoh pengiraan di atas, menggambarkan bahawa nilai indeks dalam GPF oleh variabel (h) berada dalam lingkungan variasi [h], iaitu 045 mata. Sehubungan dengan itu, daripada semua contoh pengiraan ini, diperoleh jadual-jadual kekerapan, peratus, indeks dan purata bagi setiap variabel yang dikaji.

Tahap Penggunaan Variasi

Tahap penggunaan variasi dilihat berdasarkan kadar penggunaan sesuatu variasi (dalam variabel fonologi) oleh semua kelompok sosial berdasarkan keempat-empat gaya berbahasa. Tahap penggunaan variasi ini bertujuan memperlihatkan variasi yang sering digunakan oleh masyarakat bandar di Kuching. Tahap penggunaan variasi ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 Tahap penggunaan variasi.

Tahap Penggunaan Variasi Nilai Peratus	
Tinggi	70% ke atas
Sederhana	40% hingga 70%
Rendah	40% ke bawah

VARIASI SOSIAL BAHASA MELAYU KUCHING

Yang berikut ini dibincangkan dapatan daripada kajian ini. Perbincangan dilakukan variabel demi variabel.

Variabel (a)

Variabel (a) merupakan bunyi vokal depan luas. Analisis ini melihat kehadiran variabel (a) pada suku kata akhir. Didapati variabel (a) di dalam bahasa Melayu di Kuching terbahagi kepada dua, iaitu variabel (a1) dan variabel (a2).

Variabel (a1)

Variabel (a1) mempunyai dua variasi, iaitu variasi [a] dan variasi [↔]. Variasi [a] seperti yang telah dinyatakan merupakan vokal hadapan luas manakala variasi [↔] pula dari segi penyebarannya ialah bunyi vokal tengah yang berupa bunyi bagi huruf 'e' pepet. Contoh kedua-dua variasi ini mengikut bentuk fonetik adalah seperti yang berikut:

Variasi 1 = [a] contoh [saya], [kota], [masa]

Variasi 2 = [↔] contoh [say↔], [kot↔], [mas↔]

Berdasarkan Jadual 8 dan Rajah 2, jelas menunjukkan penggunaan variasi [a] yang tinggi dalam semua gaya berbahasa oleh keempat-empat kelompok sosial. Sehubungan dengan itu, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan variasi [a] yang menjadi ciri pertuturan di Kuching masih digunakan dengan tinggi oleh semua kelompok sosial yang dikaji. Walaupun demikian, kadar penggunaan variasi [a] bukanlah pada tahap yang paling maksimum kerana terdapat perbezaan sebanyak 20% (penggunaan variasi [↔]), yang secara tidak langsung menunjukkan pertuturan masyarakat bandar di Kuching mula mengalami perubahan pada kadar yang rendah.

Dapatan kedua ialah penggunaan variabel (a1) terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa. Keadaan ini dilihat melalui peningkatan penggunaan variasi [a] setiap gaya berbahasa bermula daripada GB hingga kepada GDK oleh semua kelompok sosial. Gambaran ini menunjukkan semakin formal gaya berbahasa semakin meningkat penggunaan variasi [a]. Berdasarkan Jadual 8, iaitu penggunaan variasi [a] oleh KMA dalam GB adalah sebanyak 79% meningkat sehingga 93% dalam GDK, manakala penggunaan variasi [a] oleh KMT dalam GB ialah 52% meningkat sehingga 85% dalam GDK, hal yang sama juga berlaku dalam kelompok sosial KMB dan KBA, masing-masing menunjukkan penggunaan variasi [a] yang meningkat daripada GB, iaitu 63% dan 82% kepada 87% dan 100%, dalam GDK.


Jadual 8 Kekerapan, peratus, indeks dan purata variabel (a1) berdasarkan gaya berbahasa dan kelompok sosial.

(a1)	GDK			GMP			GPF			GB			P1		P2		PK1		PI	
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	%	I	%	I	%	I	%
KMA [a]	14/15	93	00743/48	90	010255/324	79	021228/288	79	0219200879021	85	015									
[↔]	1/15	7	- 5/48	10	- 69/324	21	- 60/288	21	- 8	- 21	- 15	-								
KMT [a]	17/20	85	01550/64	78	02294/165	57	043175/338	52	0488201855045	69	032									
[↔]	3/20	15	- 14/64	22	- 71/165	43	- 163/338	48	- 18	- 45	- 31	-								
KMB [a]	26/30	87	01380/96	83	017148/233	64	036205/326	63	0378501564036	74	026									
[↔]	4/30	13	- 16/96	17	- 85/233	36	- 121/326	37	- 15	- 36	- 26	-								
P3M [a]	-	88	012	-	84	016	-	67	033	-	65	0358601466034	76	024						
% [↔]	-	12	-	-	16	-	-	33	-	-	35	- 14	- 34	- 24						
KBA [a]	25/25	100	00078/80	98	002321/345	93	007239/292	82	0189900188012	94	007									
[↔]	0/25	0	- 2/80	2	- 24/345	7	- 53/292	18	- 1	- 12	- 6	-								
PK2 [a]	-	91	009	-	87	013	-	73	027	-	69	0318901171029	80	020						
% [↔]	-	9	-	-	13	-	-	27	-	-	31	- 11	- 29	- 20	-					

Petunjuk:

- | | | |
|-----|--|------------------------------|
| V | Variasi | Gaya Berbahasa: |
| K | Kekerapan | GDK Gaya Membaca Daftar Kata |
| I | Indeks | GMP Gaya Membaca Petikan |
| P1 | Purata GDK & GMP (Gaya Berteks) | GPF Gaya Perbualan Formal |
| P2 | Purata GPF & GB (Gaya Perbualan) | GB Gaya Bersahaja |
| P3M | Purata 3 Kelompok Menengah (KMA, KMT, KMB) | |
| PK1 | Purata Penggunaan Keempat-empat Kelompok Sosial dalam Keempat-empat Gaya Berbahasa | |
| PK2 | Purata Penggunaan Keempat-empat Gaya Berbahasa dalam Keempat-empat Kelompok Sosial | |
| PI | Purata Indeks
Kelompok Sosial: | |
| KMA | Kelompok Menengah Atas | |
| KMT | Kelompok Menengah Tengah | |
| KMB | Kelompok Menengah Bawah | |
| KBA | Kelompok Bawah Atas | |

Jika dilihat kepada penggunaan variasi [↔] pula, hal yang sebaliknya berlaku, iaitu semakin kurang formal gaya berbahasa semakin tinggi penggunaannya. Gambaran ini boleh dilihat melalui Jadual 8 oleh ketiga-tiga kelompok menengah, iaitu KMA, KMT dan KMB, masing-masing menunjukkan penggunaan variasi [↔] dalam GDK 7%, 15%, 13% meningkat sehingga 21%, 48%, 37% dalam GB. Gambaran yang sama juga berlaku dalam kelompok bawahan, iaitu KBA memperlihatkan tiada penggunaan variasi [↔] dalam GDK, namun dalam GMP sebanyak 2% digunakan kemudian mengalami peningkatan sehingga 18% dalam GB.



Berdasarkan Rajah 2, jelas menunjukkan garisan-garisan graf penggunaan variasi [a] oleh keempat-empat kelompok sosial cenderung meningkat dari kanan ke kiri, manakala garisan-garisan graf penggunaan variasi [↔] pula menurun dari kanan ke kiri. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa variabel (a1) dalam keempat-empat kelompok sosial terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa.

Dapatan kerja memperlihatkan fenomena penggunaan variasi [a] yang tinggi oleh kelompok bawahan berbanding dengan kelompok sosial lain kerana kelompok ini cuba mengekalkan ciri khas yang terdapat dalam dialek Melayu Sarawak. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, dialek Melayu Sarawak tergolong ke dalam golongan dialek variasi [a] oleh Asmah (1977). Sementara golongan menengah mula mengalami perubahan penggunaan variasi [↔] lebih tinggi mungkin disebabkan oleh faktor sosial seperti pendidikan, suasana pertuturan dalam pekerjaan yang secara tidak langsung mendorong golongan ini untuk berubah inovasi bahasanya. Sehubungan dengan itu, rentetan daripada kedua-dua fenomena di atas memberikan impak kepada penggunaan variabel (a) oleh masyarakat bandar di Kuching.

Oleh yang demikian, dapatan ini jelas menggambarkan bahawa variasi [a] lebih banyak digunakan oleh pemaklum dalam kajian ini. Fenomena ini menggambarkan bahawa masyarakat di bandar Kuching lebih cenderung menggunakan variasi [a] berbanding dengan variasi [↔], dengan secara khusus KBA lebih cenderung mengekalkan variasi [a] berbanding dengan kelompok menengah. Di sebalik fenomena itu, dapatan juga memperlihatkan

bahawa kelompok menengah mula mengalami perubahan bahasa disebabkan konteks sosial seperti pendidikan, pekerjaan dan taraf hidup yang semakin meningkat. Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa kelompok sosial menengah mula mengalami perubahan bahasa walaupun pada kadar yang rendah.

Variabel (a2)

Variabel (a2) dari segi penyebaran bunyi dalam bentuk fonetik ialah bunyi vokal hadapan luas pada suku kata akhir **bagi sebilangan** kata dialek Melayu di Kuching, seperti *kita*, *dua*, *lama*, *lima*, *buka*, *juga* dan sebagainya. Variabel (a2) mempunyai tiga variasi sebutan, iaitu:

Variasi 1 = [a] contoh [lima], [lama], [dua]

Variasi 2 = [↔] contoh [lim↔], [lam'], [du']

Variasi 3 = [a?] contoh [lima?], [lama?], [dua?]

Perbincangan sebelum ini telah menjelaskan bahawa variasi [a] merupakan vokal depan luas, manakala variasi [↔] adalah vokal tengah bagi bunyi 'e' pepet. Sementara itu, variasi ketiga, iaitu [a?] pula ialah bunyi hentian glotis di akhir kata yang merupakan ciri unik bagi segelintir kata di Sarawak.

Dapatan pertama ialah penggunaan variasi [a] tinggi berbanding dengan dua variasi lagi. Gambaran ini boleh dilihat melalui semua kelompok sosial yang mencatatkan purata (PK1) penggunaan variasi [a] iaitu sekitar 58% hingga 73% berbanding dengan variasi lain. Kelompok bawahan KBA merupakan kelompok sosial yang menggunakan variasi [a] pada kadar yang tinggi, manakala KMT merupakan kelompok sosial yang paling rendah menggunakan variasi [a] berbanding dengan kelompok sosial yang lain. Walaupun begitu, kelompok menengah KMA dan KMB hanya berbeza 1% sahaja dengan KMT (59%–58%). Perbezaan yang tidak ketara ini menggambarkan ketiga-tiga kelompok menengah menggunakan variasi [a] pada kadar yang hampir sama.

Berdasarkan Jadual 9, variasi [a?] yang merupakan ciri unik bagi segelintir kata dialek Melayu Sarawak mencatatkan keadaan yang menarik, iaitu dalam gaya berbahasa yang paling formal GDK penggunaan variasi ini tidak menonjol berbanding dengan gaya berbahasa yang lain. Keadaan ini memperlihatkan semakin menurun darjah keformalan gaya berbahasa (daripada gaya berteks kepada gaya perbualan), semakin banyak penggunaan variasi [a?]. Perbezaan ketara boleh dilihat antara gaya perbualan (GPF)

dengan gaya berteks (GMP), iaitu KBA 33% (33%–0%) berbanding dengan kelompok sosial yang lain, KMA 6% (33%–27%), KMT 25% (25%–0%) dan KMB 1% (18%–17%). Gambaran ini jelas menunjukkan semua kelompok sosial lebih banyak menggunakan variasi [aʔ] dalam gaya tidak formal, iaitu dalam perbualan berbanding dengan gaya formal (gaya berteks). Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa dalam gaya yang spontan, ciri unik dialek Melayu Sarawak ini tidak boleh dielakkan penggunaannya.

Penelitian ini menggambarkan semua kelompok sosial banyak menggunakan variasi [a] dan [aʔ] (yang menjadi ciri khas di Sarawak) berbanding dengan variasi [↔]. Keadaan ini memperlihatkan bahawa masyarakat bandar di Kuching khususnya masih mengekalkan ciri variasi tersebut. Penggunaan variasi [↔] sebanyak 23% pula menunjukkan bahawa penutur mula mengalami perubahan bahasa pada kadar yang rendah.

Dapatan kedua dalam variabel (a2) yang dilihat berdasarkan faktor konteks gaya berbahasa. Melalui analisis yang dilakukan, memperlihatkan variabel (a2) separa terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa. Keadaan ini dilihat melalui variasi [a] yang terpengaruh konteks gaya berbahasa oleh semua kelompok sosial, manakala dua variasi lagi tidak terpengaruh kerana penggunaannya tidak konsisten dalam setiap gaya berbahasa (kecuali variasi [↔] dalam KMT dan variasi [aʔ] dalam KMB). Malahan variabel (a2) menampakkan kecelaruan dalam pola penggunaannya yang turun naik dengan bebas dalam keempat-empat gaya berbahasa kecuali variasi [a], variasi [↔] dalam KMT dan variasi [aʔ] dalam KMB. Gambaran ini boleh dilihat melalui Rajah 3 yang menunjukkan pola garisan graf yang tidak konsisten oleh keempat-empat kelompok sosial kecuali variasi [a], variasi [↔] dalam KMT dan variasi [aʔ] dalam KMB.

Jadual 9 Kekerapan, peratus, indeks dan purata variabel (a2) berdasarkan gaya berbahasa dan kelompok sosial.


	(a2)		GDK		GMP		GPF		GB		PI		P2		PK1PI		
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	
KMA	10/15	67	0339/15	60	06767/114	59	07550/107	747	0856405053	08059	065						
	[↔]	5/15	33	-	2/15	13	-	9/114	8	-	23/107	21	-	23-	15-	19	-
	[aʔ]	0/15	0	-	4/15	27	-	38/114	33	-	34/107	32	-	13-	32-	22	-
KMT	20/20	100	00015/20	75	02518/56	32	09318/77	24	0878801228	09058	051						
	[↔]	0/20	0	-	5/20	25	-	24/56	43	-	51/77	66	-	12-	55-	34	-
	[aʔ]	0/20	0	-	0/20	0	-	14/56	25	-	8/77	10	-	0	-	17-	8
KMB	21/30	70	03020/30	66	05034/69	49	06853/110	48	0756804049	07259	056						
	[↔]	9/30	30	-	5/30	17	-	23/69	33	-	32/110	29	-	24-	31-	27	-
	[aʔ]	0/30	0	-	5/30	17	-	12/69	18	-	25/110	23	-	9	-	20-	14

sambungan **Jadual 9**

	(a2)		GDK		GMP		GPF		GB		P1	P2	PK1PI
	V	K	%	I K	%	I K	%	I K	%	I	%I	%I	%
P3M	[a]	-	79	021-	67	047-	47	079-	40	08273	03443	08159	057
%	[↔]	-	21	- -	18	- -	28	- -	39	- 20-	34-	26	-
	[α?]	-	0	- -	15	- -	25	- -	21	- 7 -	23-	15	-
KBA	[a]	22/2588		01219/2576		02467/10763		07159/93	63	06982	01863	07073	044
%	[↔]	3/25	12	- 6/25	24	- 4/107	4	- 4/93	5	- 18-	4 -	11	-
	[α?]	0/25	0	- 0/25	0	- 36/10733	-	30/93	32	- 0 -	33-	16	-
PK2	[a]	-	81	019-	69	042-	51	077-	46	07975	03048	07862	054
%	[↔]	-	19	- -	20	- -	22	- -	30	- 20-	26-	23	-
	[α?]	-	0	- -	11	- -	27	- -	24	- 5 -	26-	15	-

Petunjuk: (sama seperti Jadual 8)

Penggunaan variabel (a2) dalam semua kelompok sosial menampakkan variasi [a] terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa namun variasi [↔] hanya terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa dalam kelompok menengah KMT sahaja. Gambaran ini dapat dilihat di dalam Rajah 3, iaitu garisan graf variasi [↔] menurun dari kanan ke kiri.



Oleh yang demikian, walaupun secara umum Rajah 3 menampakkan pola garisan graf yang tidak konsisten kecuali variasi [a], variasi [ʔ] dalam KMT dan variasi [aʔ] dalam KMB, secara keseluruhan dapatlah dirumuskan variabel (a2) separa terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa.

Dapatan ketiga memperlihatkan kelompok sosial bawahan dalam kajian ini cenderung menggunakan variasi [a] berbanding dengan kelompok sosial yang lain. Gambaran ini dapat dilihat melalui Jadual 9 yang menunjukkan purata penggunaan (PK1) variasi [a] oleh KBA sebanyak 73%, iaitu lebih tinggi berbanding dengan tiga kelompok sosial yang lain, iaitu KMA 59%, KMT 58% dan KMB 59%. Manakala bagi purata keseluruhan penggunaan variasi [↔] dan [aʔ], KBA berada di paras yang paling bawah, iaitu sebanyak 27% (11%+16%) berbanding dengan empat kelompok sosial yang lain, iaitu KMA 41% (19%+22%), KMT 42% (34%+8%) dan KMB 41% (27%+14%). Sementara itu, jika dilihat nilai purata indeks variasi [a] pula, lebih menampakkan KBA cenderung menggunakan variasi [a] kerana nilainya ialah 044 berbanding purata indeks tiga kelompok sosial yang lain, iaitu KMA 065 mata, KMT 051 mata dan KMB 056 mata. Ini bermaksud purata indeks penggunaan variasi [a] bagi KBA adalah yang paling hampir dengan variasi [a] berbanding dengan kelompok sosial yang lain.

Hasil daripada dapatan ini memperlihatkan bahawa kelompok bawahan KBA masih mengekalkan variasi [a], manakala kelompok sosial KMA, KMT dan KMB semakin kurang menggunakan variasi [a]. Jelas menunjukkan bahawa kelompok menengah ini mula mengalami perubahan bahasa, iaitu lebih cenderung menggunakan variasi [↔] dan [aʔ] pada kadar yang sederhana, iaitu 41% hingga 42%.

Variabel (r)

Penyebaran bunyi variabel (r) merupakan bunyi konsonan getaran gusi. Analisis ini melihat representasi penggunaan variabel (r) pada suku kata akhir seperti dalam kata *keluar*, *dengar* dan *bayar*. Variabel (r) di dalam bahasa Melayu di Kuching mempunyai tiga variasi dalam bentuk fonetik adalah seperti yang berikut:

Variasi 1 = [r] contoh [keluar], [deNar], [bayar]

Variasi 2 = [ʔ] contoh [keluaʔ], [deNaʔ], [bayaʔ]

Variasi 3 = [O] contoh [keluaO], [deNaO], [bayaO]

Variasi 2 merupakan ciri khusus dialek Melayu Sarawak yang tidak ada pada dialek-dialek lain. Kenyataan ini dibuat oleh Asmah Hj. Omar (1993:185) yang menegaskan variasi 2 wujud daripada bunyi frikatif velar dalam lingkungan sebelum kesenyapan. Oleh yang demikian, bunyi frikatif velar ini menjadi keunikan bahasa Melayu di Sarawak. Variasi 3 pula merupakan kesenyapan atau pengguguran bunyi konsonan (r) pada suku kata akhir.

Jadual 10 menunjukkan penggunaan variasi [⊗] lebih tinggi berbanding dengan dua variasi yang lain. Keadaan ini boleh dilihat melalui purata (PK1 dan PK2) penggunaan variasi [⊗] secara keseluruhan menunjukkan nilai peratusan yang tinggi berbanding dengan variasi lain, iaitu 44%, manakala penggunaan variasi [r] dan variasi [O] masing-masing 31% dan 25%.

Keadaan ini menggambarkan bahawa penutur mula mengalami perubahan bahasa, kerana ciri khas dialek Melayu Sarawak, iaitu variasi [⊗] walaupun menunjukkan penggunaan yang tinggi berbanding dengan dua variasi yang lain. Namun jika dilihat dari segi jurang perbezaannya, hanya sekitar 13% (44%–31%) dengan variasi [r], manakala variasi [O] pula sekitar 19% (44%–25%). Gambaran ini memperlihatkan bahawa penutur mula menggunakan variasi [r] dan variasi [O] dalam pertuturan mereka yang menyamai penutur di Malaysia Barat.

Dapatan kedua berdasarkan Jadual 10 menunjukkan secara umum semua kelompok sosial cenderung menggunakan variasi [r] yang tinggi apabila semakin formal gaya berbahasa kecuali GDK, manakala semakin kurang atau tidak rasmi gaya berbahasa semakin tinggi variasi [⊗] digunakan, sementara variasi [O] cenderung mengikut pola penggunaan variasi [r].


Jadual 10 Kekerapan, peratus, indeks dan purata variabel (r) berdasarkan gaya berbahasa dan kelompok sosial.

(r)	GDK		GMP		GPF		GB		P1		P2		PK1		PK2		
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	%	I	%	%	%	%	
KMA [r]	8/15	53	067	11/15	74	040	8/59	14	092	3/37	8	092	63/054	11	092	37	073
[⊗]	4/15	27	-	2/15	13	-	48/59	81	-	34/37	92	-	20-	87-	54	-	-
[ø]	3/15	20	-	2/15	13	-	3/59	5	-	0/37	0	-	17-	2	-	9	-
KMT [r]	9/20	45	105	18/20	90	020	2/41	5	107	4/70	6	116	67/063	6	112	37	088
[⊗]	1/20	5	-	0/20	0	-	34/41	83	-	51/70	73	-	3-	78-	40	-	-
[ø]	10/20	50	-	2/20	10	-	5/41	12	-	15/70	21	-	30-	16-	23	-	-
KMB [r]	14/30	47	090	17/30	57	073	2/37	5	108	4/62	6	115	52/082	6	112	29	097
[⊗]	5/30	17	-	4/30	13	-	30/37	81	-	45/62	73	-	15-	77-	46	-	-
[ø]	11/30	36	-	9/30	30	-	5/37	14	-	13/62	21	-	33-	17-	25	-	-
P3M [r]	-	48	087	-	74	044	-	8	102	-	7	108	61/066	8	105	34	086
% [⊗]	-	17	-	-	9	-	-	82	-	-	79	-	13-	80-	47	-	-

sambungan **Jadual 10**

(r)	GDK		GMP		GPF		GB		P1	P2	PK1	PI						
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	%	%						
[ø]	-	35	-	-	17	-	-	10	-	-	14	-	26	-	12	-	19	-
KBA [r]	8/25	32	120	14/25	56	0800/62	0	1270/48	0	15044	1000	13922	120					
[⊗]	4/25	16	-	2/25	8	-	45/62	73	-	24/48	50	-	12	-	61	-	36	-
[ø]	13/25	52	-	9/25	36	-	17/62	27	-	24/48	50	-	44	-	39	-	42	-
PK2 [r]	-	44	096	-	69	053	-	6	109	-	5	11856	0756	11431	095			
% [⊗]	-	16	-	-	9	-	-	80	-	-	72	-	13	-	76	-	44	-
[ø]	-	40	-	-	22	-	-	14	-	-	23	-	31	-	18	-	25	-

Petunjuk: (sama seperti Jadual 8)



Secara keseluruhan daripada maklumat Jadual 10 dan lakaran Rajah 4, dapat dirumuskan bahawa variabel (r) separa terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa. Rumusan ini memberikan gambaran bahawa hanya sebahagian sahaja variabel (r) yang terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa, manakala sebahagian lagi bersifat bebas konteks gaya berbahasa dalam semua kelompok sosial yang dikaji.

Dapatan ketiga yang melihat keterikatan antara variabel (r) dengan kelompok sosial mendapati variabel (r) terikat dengan faktor perbezaan kelompok sosial. Jadual 10 (PK1) secara umumnya menunjukkan kelompok sosial menengah menggunakan variasi [r] dan variasi [⊗] lebih

tinggi, manakala kelompok sosial bawahan menggunakan variasi [O] lebih tinggi.

Berdasarkan purata (P3M) ketiga-tiga kelompok menengah menunjukkan penggunaan variasi [r] dan [⊗] yang tinggi berbanding kelompok bawahan, iaitu penggunaan variasi [r] dan variasi [⊗] dalam kelompok menengah masing-masing mencatatkan 34% dan 47%, sementara kelompok bawahan mencatatkan 22% dan 36%. Keadaan ini memperlihatkan penggunaan variasi [r] dan [⊗] lebih banyak digunakan oleh kelompok menengah berbanding dengan kelompok bawahan. Hal yang sebaliknya berlaku, penggunaan variasi [O] lebih banyak digunakan oleh kelompok bawahan, iaitu 42% berbanding dengan kelompok menengah yang hanya 19% sahaja. Ini menggambarkan bahawa hanya sebahagian variabel (r) yang terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa, manakala sebahagian lagi bersifat bebas konteks gaya berbahasa dalam semua kelas sosial yang dikaji.

Variabel (h)

Variabel (h) dalam bahasa Melayu di Sarawak mempunyai dua variasi, iaitu variasi [h] dan variasi [O]. Variasi [h] merupakan bunyi frikatif geseran glotis tidak bersuara, manakala variasi [O] ialah unsur kesenyapan atau ketidakhadiran bunyi konsonan 'h'. Analisis ini melihat kehadiran atau sebaliknya variabel (h) di awal kata. Penyebaran bunyinya mengikut variasi adalah seperti yang berikut:

Variasi 1 = [h] contoh [hilaN], [hari], [hidup]

Variasi 2 = [O] contoh [OilaN], [Oari], [Oidup]

Variasi [h] yang terdapat dalam contoh perkataan *hilang*, *hidup*, *harga*, *hati* dan sebagainya memperlihatkan kadar penggunaan yang sederhana, manakala penggunaan variasi [O] pula adalah rendah. Secara keseluruhan, melalui maklumat Jadual 11 menggambarkan pemaklum setiap kelompok sosial cenderung menggunakan variasi [h]. Keadaan ini boleh disahkan melalui purata keseluruhan (PK1 dan PK2) penggunaan variasi [h], iaitu sebanyak 68%, manakala penggunaan variasi [O] pula mencatatkan 32%. Data ini menjelaskan kecenderungan pemaklum menyebut variasi [h] di awal kata. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa masyarakat bandar mengalami perubahan dari segi penggunaan fonem /h/ di awal kata. Fenomena ini menunjukkan berlakunya perubahan dan perbezaan antara

masyarakat bandar kini dengan masyarakat luar bandar yang dikaji oleh Collins (1987:33).¹⁸

Dapatan kedua variabel (h) daripada maklumat dalam Jadual 11 menunjukkan pola penggunaan yang berbeza-beza berdasarkan konteks gaya berbahasa dalam semua kelompok sosial. Walaupun terdapat perubahan penggunaan variabel (h) yang ketara dari segi rangkuman gaya berbahasa berteks dan gaya perbualan, namun pola penggunaannya tidak sepenuhnya terpengaruh. Keadaan ini berlaku kerana penggunaan variabel (h) dalam GPF oleh semua kelompok sosial kecuali KMB cenderung berlaku pengurangan dan kemudian meningkat semula dalam GB. Oleh sebab itu, variabel (h) hanya sebahagian sahaja terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa.

Jadual 11 Kekerapan, peratus, indeks dan purata variabel (h) berdasarkan gaya berbahasa dan kelompok sosial.


(a1)	GDK		GMP		GPF		GB		P1		P2		PK1PI					
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	%	I	%	I	%			
KMA[h]	15/15	100	000	15/15	100	000	16/29	55	045	13/21	62	038	100	000	58	042	79	021
[ø]	0/15	0	-	015	0	-	13/29	45	-	8/21	38	-	0	-	42	-	21	-
KMT[h]	20/20	100	000	20/20	100	000	3/13	23	077	7/15	47	053	100	000	35	065	67	033
[ø]	0/20	0	-	0/20	0	-	10/13	77	-	8/15	53	-	0	-	65	-	33	-
KMB[h]	30/30	100	000	30/30	100	000	7/17	41	059	5/26	19	081	100	000	30	070	65	035
[ø]	0/30	0	-	0/30	0	-	10/17	59	-	21/26	81	-	0	-	70	-	35	-
P3M [h]	-	100	000-	100	000-	40	060-	43	057	100	000	041	059	70	030	030	030	030
% [ø]	-	0	-	-	0	-	-	60	-	-	57	-	0	-	59	-	30	-
KBA [h]	25/25	100	000	23/25	92	008	3/18	17	083	5/14	36	064	96	004	26	074	61	039
[ø]	0/25	0	-	2/25	8	-	15/18	83	-	9/14	64	-	4	-	74	-	39	-
PK2 [h]	-	100	000-	98	002-	34	066-	41	059	99	001	37	063	68	032	032	032	032
% [ø]	-	0	-	-	2	-	-	66	-	-	59	-	1	-	63	-	32	-

Petunjuk: (sama seperti Jadual 8)

Dapatan ketiga berdasarkan maklumat Jadual 11 mendapati kelompok menengah yang terendah dalam kajian ini, iaitu KMB terpengaruh dengan faktor konteks gaya berbahasa. Hal ini boleh dilihat melalui empat gaya berbahasa menunjukkan semakin formal gaya berbahasa semakin tinggi penggunaan variasi [h], iaitu dalam GB mencatatkan 19% meningkat secara berterusan dalam GPF 41%, GMP dan GDK 100%.

¹⁸ Collins (1987) menegaskan bahawa dalam dialek Sarawak penyebaran /h/ disekat; fonem ini tidak boleh wujud pada awal kata (kecuali dalam beberapa kata pinjaman sahaja namun kajian di Bako menunjukkan sebutan [Oaji] dirakam).

Sementara penggunaan variasi [O] memberikan gambaran sebaliknya, iaitu semakin formal gaya berbahasa semakin rendah penggunaannya, iaitu dalam GB 81% dan berkurangan 59% dalam GPF dan dalam GMP dan GDK yang mempunyai darjah keformalan yang tinggi berbanding GPF tidak mencatatkan sebarang penggunaan.



Sehubungan dengan itu, jelas menggambarkan hanya KMB sahaja yang terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa sedangkan kelompok sosial yang lain hanya separa terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa. Pola penggunaan KMB boleh dilihat melalui Rajah 5 yang menunjukkan garisan graf variasi [h] menaik dari kanan ke kiri secara berterusan, manakala garisan graf variasi [O] bertentangan sifatnya, iaitu menurun dari kanan ke kiri. Jika dilihat berdasarkan purata, indeks variabel (h) mencatatkan 035 mata, ini bermakna variabel (h) berada di sekitar lingkungan variasi [h].

Variabel (ai)

Dalam kajian ini, variabel (ai) mempunyai dua variabel, iaitu variabel (ai1) dan variabel (ai2). Kedua-dua variabel ini mempunyai dua variasi, iaitu variabel (ai1) terdiri daripada variasi [ai] dan variasi [e], manakala variabel (ai2) pula terdiri daripada variasi [ai] dan variasi [i]. Namun dalam

perbincangan ini, hanya variabel (a1) sahaja akan disentuh.¹⁹ Variabel (ai1)²⁰ merupakan bunyi diftong. Bunyi diftong terhasil apabila vokal 'a' mengge-luncur dengan cepat ke vokal 'i'. Variabel yang mempunyai dua variasi ini merupakan bunyi diftong yang mengalami pemonoftongan dalam bahasa Melayu Sarawak. Analisis ini melihat kehadiran variabel (ai) di suku kata akhir. Fenomena dua variasi ini ialah:

Variasi 1 = [ai] contoh {suNai}, [pandai], [pantai]

Variasi 2 = [e] contoh [suNe], [pande], [pante]

Dapatan pertama ialah variasi [ai] adalah tinggi penggunaannya dalam semua gaya berbahasa oleh semua kelompok sosial. Keadaan ini boleh dilihat dalam jumlah purata keseluruhan (PK1 dan PK2) dalam Jadual 12, iaitu variasi [ai] mencatatkan 90% berbanding dengan variasi [e] yang hanya 10% sahaja. Oleh itu, dapat disimpulkan daripada maklumat data bahawa pemaklum yang ditemu bual lebih banyak menggunakan variasi [ai] berbanding dengan variasi [e].

Jadual 12 memperlihatkan penggunaan variasi [ai] tinggi dalam semua gaya berbahasa oleh semua kelompok sosial, iaitu KMA mencatatkan penggunaan variasi [ai] sebanyak 95%, KMT 100%, KMB 97% dan KBA 70%. Variasi [e] pula mencatatkan penggunaan yang rendah dalam semua gaya berbahasa oleh semua kelompok sosial, iaitu KMA 5%, KMT 0% (tiada penggunaan), KMB 3% dan KBA 30%. Oleh itu, dapatan ini menjelaskan bahawa variasi [ai] lebih banyak digunakan oleh semua kelompok sosial berbanding dengan variasi [e].

Dapatan kedua dalam variabel (ai) jelas menggambarkan variabel fonologi ini terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa. Hal ini boleh

19 Variabel (ai2) tidak dibincangkan kerana hanya terdapat seorang sahaja pemaklum yang menggunakan variabel ini, iaitu dalam perkataan [ramai] menjadi [rami] dalam gaya perbualan GPF (gaya formal paling rendah). Fenomena data [rami] ini pernah dibincangkan oleh Collins (1987:35) yang mengatakan di dalam dialek Melayu Sarawak terdapat fenomena peninggian vokal hadapan sempit /i/ bagi perkataan *ramai* dan *cabai*. Namun di dalam perkataan yang mirip dengannya seperti [semai] tidak berlaku peninggian vokal tersebut hanya pada aras peninggian vokal hadapan separuh sempit /e/ contoh [c↔me:]. Oleh itu fenomena variabel (ai2) ini adalah suatu inovasi yang bersifat khas di Sarawak kerana penggunaan perkataan tersebut adalah terhad. Tambahan pula, dalam analisis ini hanya satu sebutan sahaja yang ditemui daripada temu bual yang dijalankan. Sehubungan itu, penulis berasa tidak signifikan perbincangan variabel (ai2) dilakukan.

20 Variabel (ai1) ini akan dikenali sebagai variabel (ai) sahaja dalam perbincangan seterusnya.

dilihat melalui Jadual 12 yang menunjukkan bahawa perbezaan gaya berbahasa menyebabkan berlakunya perubahan penggunaan oleh keempat-empat kelompok sosial. Keadaan ini boleh dilihat dalam data yang diperolehi, iaitu semakin formal gaya berbahasa semakin tinggi penggunaan variasi [ai], manakala semakin kurang formal gaya berbahasa semakin tinggi penggunaan variasi [e] oleh semua kelompok sosial.

Rajah 6 juga menggambarkan keadaan yang sama, iaitu pola garisan graf menaik dari kanan ke kiri bagi variasi [ai] dan menurun dari kanan ke kiri secara berterusan bagi variasi [e]. Purata indeks variabel (ai) berada hampir dengan variasi [ai] kerana dalam dua rangkuman gaya berteks nilainya ialah 002 mata, manakala rangkuman gaya perbualan nilai indeksnya ialah 017 mata.

Jadual 12 Kekerapan, peratus, indeks dan purata variabel (ai) berdasarkan gaya berbahasa dan kelompok sosial.


(ai)	GDK			GMP			GPF			GB		P1		P2		PK1P1		
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	%	I	%	I	
KMA[ai]	15/15	100	000	21/21	100	000	28/30	93	007	12/14	86	014	100	000	90	010	95	005
[e]	0/15	0	-	0/21	0	-	2/30	7	-	2/14	14	-	0	-	10	-	5	-
KMT[ai]	20/20	100	000	28/28	100	000	17/17	100	000	18/18	100	000	100	000	100	000	100	000
[e]	0/20	0	-	0/28	0	-	0/17	0	-	0/18	0	-	0	-	0	-	0	-
KMB[ai]	30/30	100	000	42/42	100	000	9/9	100	000	17/19	89	011	100	000	94	006	97	003
[e]	0/30	0	-	0/42	0	-	0/9	0	-	2/19	11	-	0	-	6	-	3	-
P3M [ai]	-	100	000-	-	100	000-	-	98	002-	-	92	008	100	000	95	005	97	003
[e]	-	0	-	-	0	-	-	2	-	-	8	-	0	-	5	-	3	-
KBA [ai]	24/25	96	004	31/35	89	011	16/30	53	047	20/44	45	055	92	008	49	051	70	030
[e]	1/25	4	-	4/35	11	-	14/30	47	-	24/44	55	-	8	-	51	-	30	-
PK2 [ai]	-	99	001-	-	97	003-	-	86	014-	-	80	020	98	002	83	017	90	010
% [e]	-	1	-	-	3	-	-	14	-	-	20	-	2	-	17	-	10	-

Petunjuk: (sama seperti Jadual 8)

Dapatan ketiga mendapati variabel (ai) terpengaruh dengan faktor kelompok sosial, iaitu kelompok sosial yang berbeza-beza memberikan impak penggunaan variasi yang berbeza. Jadual 12 menunjukkan kelompok menengah cenderung menggunakan variasi [ai] lebih tinggi berbanding kelompok bawahan. Berdasarkan purata keseluruhan (PK1) di dalam jadual ini, KMA, KMT dan KMB menggunakan variasi [ai] yang tinggi, iaitu sekitar 95% hingga 100%, manakala variasi [e] adalah rendah hanya sekitar 3% hingga 5% sahaja. Berlainan dengan KBA, penggunaan variasi [ai] adalah sebanyak 70%, manakala variasi [e] penggunaannya sebanyak 30%. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa variasi [e] yang menjadi inovasi khas di Sarawak tinggi digunakan oleh kelompok bawahan kerana kelompok

ini merupakan golongan yang masih mengekalkan variasi asalnya sedangkan kelompok menengah mula mengalami perubahan dari segi pertuturan mungkin disebabkan oleh faktor sosial seperti pendidikan dan pekerjaan. Oleh yang demikian, kelompok menengah ini cenderung menggunakan variasi [ai] berbanding variasi [e] dalam pertuturan mereka.

Rajah 6 Penggunaan Variabel (ai) Berdasarkan Gaya Berbahasa dan Kelompok Sosial



Variabel (au)

Variabel yang kelima yang dikaji ialah variabel (au). Variabel ini merupakan bunyi diftong [au] yang terhasil apabila vokal ‘a’ menggeluncur dengan cepat ke vokal ‘u’. Analisis ini melihat kehadiran variabel (au) pada suku kata akhir sesuatu perkataan. Kajian ini mendapati variabel (au) mempunyai dua jenis, iaitu variabel (au1) dan variabel (au2). Variabel (au1) mempunyai dua variasi iaitu variasi [au] dan variasi [o], manakala variabel (au2) terdiri daripada dua variasi juga, iaitu variasi [au] dan variasi [au?]. Walaupun

demikian, perbincangan ini hanya akan membincangkan variabel (au1) sahaja.²¹ Variabel (au) mempunyai dua variasi iaitu:

Variasi 1 = [au] contoh [pulau], [limau]

Variasi 2 = [o] contoh [pulo], [limo]

Dapatan pertama berdasarkan Rajah 7 menunjukkan kadar penggunaan variasi [au] adalah tinggi berbanding dengan variasi [o]. Jika diteliti nilai penggunaan dalam rangkuman gaya berteks dan gaya perbualan jelas menunjukkan penggunaan variasi [au] yang tinggi berdasarkan keempat-empat kelompok sosial. Purata penggunaan variasi [au] (P1 dan P2) dalam gaya berteks, iaitu 97% manakala dalam gaya perbualan juga mencatatkan penggunaan yang sama 97%. Variasi [o] dalam gaya berteks dan gaya perbualan adalah sama, iaitu sebanyak 3%. Perangkaan ini membuktikan variasi [au] lebih banyak digunakan berbanding dengan variasi [o], tambahan pula purata keseluruhan (PK1 dan PK2) variasi [au] memperlihatkan penggunaan yang tinggi, iaitu 97% dan variasi [o] 3%.

Keadaan ini boleh dilihat melalui Rajah 7 yang menunjukkan garisan-garisan graf variasi [au] berada di kedudukan atas yang memberikan gambaran bahawa penggunaan variasi ini adalah tinggi. Manakala garisan-garisan graf variasi [o] pula adalah bertentangan keadaannya, iaitu berada di kedudukan bawah yang bermaksud penggunaan adalah rendah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa variasi [au] lebih banyak digunakan oleh pemaklum berbanding dengan variasi [o] yang secara tidak langsung menandakan ciri khas dialek Melayu Sarawak. Kecenderungan penggunaan variasi [au] yang tinggi ini memberikan gambaran bahawa pemaklum sudah mula mengalami perubahan bahasa disebabkan oleh faktor konteks sosial seperti pendidikan, pekerjaan dan taraf hidup yang tinggi.

Variabel (au) yang dilihat keterikatannya dengan faktor konteks gaya berbahasa didapati tidak terpengaruh dengan konteks gaya berbahasa. Dapatan ini berdasarkan pola penggunaan keempat-empat kelompok sosial dalam keempat-empat gaya berbahasa. Keempat-empat gaya berbahasa tidak

21 Seperti juga dalam variabel (ai2), variabel (au2) tidak akan dibincangkan atas alasan penggunaannya amat sedikit ditemui dalam kajian ini. Variabel (au2) hanya digunakan oleh dua orang pemaklum daripada KMT dan KBA di dalam GPF, kedua-dua pemaklum ini menyebutkan perkataan yang sama iaitu [bau]. Oleh sebab hanya terdapat satu sebutan sahaja ditemui iaitu [bau] menjadi [bau?], maka penulis mengambil keputusan tidak menganalisisnya kerana dua sebutan itu tidak signifikan untuk dianalisis. Perbincangan variabel (au1) akan ditandai sebagai variabel (au) sahaja di dalam analisis ini.

menunjukkan penggunaan yang ketara antara satu sama lain. Oleh itu, perbezaan gaya berbahasa tidak mengubah corak penggunaan variabel (au), malah penggunaan variasi [au] adalah tinggi dalam setiap gaya berbahasa. Berdasarkan purata penggunaan (PK2), setiap gaya berbahasa, iaitu GB 97%, GPF 96%, GMP 95% dan GDK 98% menunjukkan variasi [au] tinggi dalam keempat-empat gaya berbahasa. Walaupun terdapat perbezaan setiap gaya berbahasa namun perbezaannya hanya sekitar 1% hingga 3% sahaja. Variasi [o] pula mencatatkan penggunaan dalam GB 3%, GPF 4%, GMP 5% dan GDK 2%.

Jadual 13 Kekerapan, peratus, indeks dan purata variabel (au) berdasarkan gaya berbahasa dan kelompok sosial.


	(au)		GDK			GMP			GPF			GB			PI			P2			PK1		
	V	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K	%	I	K
KMA	[au]	15/15	100	000	12/12	100	000	52/52	100	000	21/21	100	000	100	000	100	000	100	000	100	000	100	000
	[o]	0/15	0	-	0/12	0	-	0/52	0	-	0/21	0	-	0	-	0	-	0	-	0	-	0	-
KMT	[au]	20/20	100	000	16/16	100	000	19/19	100	000	26/26	100	000	100	000	100	000	100	000	100	000	100	000
	[o]	0/20	0	-	0/16	0	-	0/19	0	-	0/26	0	-	0	-	0	-	0	-	0	-	0	-
KMB	[au]	30/30	100	000	23/24	96	004	42/43	98	002	30/30	100	000	98	002	99	001	98	002	98	002	98	002
	[o]	0/30	0	-	1/24	4	-	1/43	2	-	0/30	0	-	2	-	1	-	2	-	2	-	2	-
P3M	[au]	-	100	000	-	99	001	-	99	001	-	100	000	99	001	100	000	99	001	100	000	99	001
%	[o]	-	0	-	-	1	-	-	1	-	-	0	-	1	-	0	-	1	-	1	-	1	-
KBA	[au]	23/25	92	008	17/20	85	015	37/42	88	012	45/50	90	010	89	011	89	011	89	011	89	011	89	011
	[o]	2/25	8	-	3/20	15	-	5/42	12	-	5/50	10	-	11	-	11	-	11	-	11	-	11	-
PK2	[au]	-	98	002	-	95	005	-	96	004	-	97	003	97	003	97	003	97	003	97	003	97	003
%	[o]	-	2	-	-	5	-	-	4	-	-	3	-	3	-	3	-	3	-	3	-	3	-

Petunjuk: (sama seperti Jadual 8)

Penelitian yang dilakukan mendapati variabel (au) tidak terpengaruh oleh konteks kelompok sosial. Walaupun demikian, Jadual 13 menunjukkan kelompok menengah mula mengalami perubahan bahasa yang ketara, iaitu penggunaan variasi [o] yang menjadi ciri khas di Kuching mula mencatatkan penggunaan yang rendah. Sementara itu, kelompok bawahan masih mengekalkan variasi [o] walaupun pada kadar yang rendah. Perbezaan kelompok menengah dan kelompok bawahan menampakkan sedikit perbezaan, iaitu kelompok bawahan mula menggunakan variasi [o] dalam gaya paling formal, iaitu di GDK manakala kelompok menengah hanya mula menggunakan variasi ini pada GMP dan GPF. Kelompok bawahan KBA memperlihatkan purata (PK1) penggunaan variasi [o] sebanyak 11% dalam keempat-empat gaya berbahasa lebih tinggi berbanding dengan purata (P3M) penggunaan oleh kelompok menengah hanya sebanyak 1%. Oleh yang demikian, kelompok bawahan lebih cenderung menggunakan variasi

[o] berbanding dengan kelompok menengah. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, purata penggunaan variabel (au) tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa variabel (au) tidak terpengaruh dengan konteks kelompok sosial.

Rajah 7 Penggunaan Variabel (au) Berdasarkan Gaya Berbahasa dan Kelompok Sosial



Penelitian yang dilakukan mendapati variabel (au) tidak terpengaruh oleh konteks kelompok sosial. Walaupun demikian, Jadual 13 menunjukkan kelompok menengah mula mengalami perubahan bahasa yang ketara, iaitu penggunaan variasi [o] yang menjadi ciri khas di Kuching mula mencatatkan penggunaan yang rendah. Sementara itu, kelompok bawahan masih mengekalkan variasi [o] walaupun pada kadar yang rendah. Perbezaan kelompok menengah dan kelompok bawahan menampakkan sedikit perbezaan, iaitu kelompok bawahan mula menggunakan variasi [o] dalam gaya paling formal, iaitu di GDK. Manakala kelompok menengah hanya mula menggunakan variasi ini pada GMP dan GPF. Kelompok bawahan KBA memperlihatkan purata (PK1) penggunaan variasi [o] sebanyak 11%

dalam keempat-empat gaya berbahasa lebih tinggi berbanding dengan purata (P3M) penggunaan oleh kelompok menengah hanya sebanyak 1%. Oleh yang demikian, kelompok bawahan lebih cenderung menggunakan variasi [o] berbanding kelompok menengah. Walau bagaimanapun secara keseluruhan, purata penggunaan variabel (au) tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa variabel (au) tidak terpengaruh dengan konteks kelompok sosial.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, kadar penggunaan yang tinggi berlaku dalam variasi [a] (dalam variabel [a1]), variasi [ai], dan variasi [au]. Jadual 14 menunjukkan penggunaan variasi [a] ialah 81%, variasi [ai] 90%, dan variasi [au] pula 97%. Dapatan ini menggambarkan bahawa tahap penggunaan bagi ketiga-tiga variasi ini oleh keempat-empat kelompok sosial adalah tinggi dalam keempat-empat gaya berbahasa.

Tiga variasi yang mempunyai penggunaan sederhana ialah variasi [a] (dalam variabel [a2]), variasi [⊗] dan variasi [h]. Variasi ini masing-masing mencatatkan penggunaan sebanyak 62%, 44%, dan 68%. Gambaran ini

Jadual 14 Tahap penggunaan variasi oleh semua kelompok sosial dalam keempat-empat gaya berbahasa (berdasarkan enam variabel yang dikaji).

Variabel/Jadual	Variasi	Contoh Kata	%	Tahap
Variabel (a1)	[a]	saya	80	Tinggi
Jadual 8	[↔]	say↔	20	Rendah
Variabel (a2)	[a]	lima	62	Sederhana
Jadual 9	[↔]	lim↔	23	Rendah
	[a?]	lima?	15	Rendah
Variabel (r)	[r]	keluar	31	Rendah
Jadual 10	[⊗]	kelua⊗	44	Sederhana
	[∅]	keluaO	25	Rendah
Variabel (h)	[h]	hilaN	68	Sederhana
Jadual 11	[∅]	OilaN	32	Rendah
Variabel (ai)	[ai]	suNai	90	Tinggi
Jadual 12	[e]	suNe	10	Rendah
Variabel (au)	[au]	pulau	97	Tinggi
Jadual 13	[o]	pulo	3	Rendah

menunjukkan penggunaan ketiga-tiga variasi ini di tahap yang sederhana oleh semua kelompok sosial di dalam keempat-empat gaya berbahasa.

Terdapat lapan variasi yang mencatatkan penggunaan yang sederhana, iaitu variasi [\leftrightarrow] (dalam kedua-dua variabel [a1] dan [a2]), [aʔ], [r], [O] (dan [h]), [e] dan [o]. Variasi-variasi ini masing-masing mencatatkan kadar penggunaan purata keseluruhan sebanyak 19%, 23%, 15%, 31%, 25%, 32%, 10%, dan 3%. Keadaan ini menggambarkan kelapan-lapan variasi ini digunakan pada tahap yang rendah oleh semua kelompok sosial berdasarkan keempat-empat gaya berbahasa.

Berdasarkan data-data dan analisis yang dilakukan membuktikan bahawa bahasa Melayu di Kuching, Sarawak berkecenderungan mengalami integrasi dengan bahasa di Malaysia Barat. Integrasi itu masih pada tahap yang sederhana. Ini diperlihatkan oleh keterikatan enam variabel fonologi, iaitu (a1), (a2), (r), (h), (ai) dan (au) dilihat seiring dengan variabel sosial yang terdiri daripada gaya berbahasa dan kelompok sosial. Keadaan ini berlaku kerana pekerjaan, persekitaran di tempat kerja dan lokasi perumahan mungkin menjadi faktor perubahan berbahasa. Sebagai penduduk Bandar Raya Kuching, mereka terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu di Malaysia Barat yang meluas. Oleh sebab semua pemaklum yang ditemu bual bekerja di sektor awam serta swasta maka secara tidak langsung mereka ini terdedah dengan penggunaan bahasa Melayu di Malaysia Barat, tambahan pula terdapat penghijrahan pekerja dari Malaysia Barat ke Sarawak yang secara tidak langsung menyumbang kepada integrasi bahasa tersebut. Aspek pendidikan juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada integrasi bahasa ini kerana didapati kelompok bawahan yang menerima pendidikan menengah cenderung mengekalkan bahasa mereka, manakala golongan menengah yang menerima pendidikan tinggi mula mengalami perubahan bahasa.

RUJUKAN

- Ajid Che Kob, 1991. "Kajian Dialek Melayu di Malaysia: Satu Retrospek". Kertas kerja Simposium Internasional tentang Bahasa Nasional dan Bahasa Daerah di Asia Tenggara. Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, 18–20 Februari.
- Asmah Hj. Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bername.Com, 2004. *Pelan Induk Basmi Kemiskinan Bandar, Siap Tiga Bulan*

- Lagi. <http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news.php?id=74536> (1 Julai 2004).
- Buyong Adil, 1981. *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K., dan Trudgill, P., 1990. *Dialektologi*. Diterjemah oleh Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T., 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T., 2002. *Wibawa Bahasa Kependidikan dan Kepelbagaian*. Cetak ulang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chief Minister's Department Sarawak, 2000. *Development in Sarawak an aerial perspective*.
- Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (ed.), 1993. *Simposium Dialek Penyelidikan dan Pendidikan*. Siri monograf sejarah bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman, 1995. Kelainan sosial bahasa Melayu di Shah Alam: satu dialektologi sosial bandar. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000*. Taburan penduduk mengikut kawasan pihak berkuasa tempatan dan mukim.
- Julaini Wahid, 1992. Laporan akhir kaji bentuk bandar analisis lima bandar utama Sarawak. Geran penyelidikan jangka pendek. Universiti Sains Malaysia.
- Labov, W., 1972. *Sociolinguistic Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Mazlan Abdullah, 1978. *Sejarah Malaysia Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Miller, D. C., 1991. *Handbook of Research Design and Social Measurement*. California: Sage Publications, Inc.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 2002. Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan. <http://www.jpa.gov.my/pekeliling/pp02/bil04/pp04-02m.htm> (dicapai pada 1 Julai 2004).
- Peta Bandar Raya Kuching, 2000. Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Petikan kenyataan akhbar oleh Y.B. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia tentang laporan mengenai penggunaan sebutan bahasa baku di sekolah-sekolah, 2000. <http://www.moe.gov.my/baku.htm> (dicapai pada 19 Julai 2004).
- Sejarah Bandar Raya Kuching, 1993. *Buletin Bandaraya Julai-Disember*. Kuching: Penerbit Dewan Bandaraya Kuching Utara.
- Sejarah Kuching. <http://www.dbku.my/sejarah.htm> (dicapai 15 September 2004).
- Trudgill, P., 1974. *The Social Differentiation of English in Norwich*. Cambridge: University Press.

LAMPIRAN A

Soal Selidik

No. Ruj. []

(A) Jantina : (i) Lelaki ()
(ii) Perempuan ()

(B) Bangsa : _____

(B) Umur: _____ tahun

(C) Alamat : _____

(D) Pekerjaan : _____

(E) Pendapatan Bulanan Keluarga : RM _____

(F) Latar Pendidikan:

Ijazah Lanjutan	()
Ijazah Pertama	()
Diploma	()
STPM/HSC/STP	()
SPM/MCE/SPVM/SC	()
SRP/LCE	()
Sekolah Rendah	()

(G) Jenis Rumah:

Sesebuah	(S)	()
	(R)	()
Berkembar 2 Tingkat	(S)	()
	(R)	()
Berkembar 1 Tingkat	(S)	()
	(R)	()
Teres 2 Tingkat	(S)	()
	(R)	()
Teres 1 Tingkat	(S)	()
	(R)	()

Petunjuk: (S) – sendiri

(R) – sewa

(A) Soalan Penyesuaian Situasi

- (i) Bagaimana suasana kawasan perumahan di sini (Petra Jaya)?
- (ii) Berapa lama tuan/puan mendiami perumahan di sini?
- (iii) Apakah masalah yang timbul sepanjang tuan/puan tinggal di sini?
- (iv) Adakah tuan/puan sememangnya berasal dari Petra Jaya?
- (v) Adakah tuan/puan tahu bila perumahan di sini mula dibuka atau diduduki?

(B) Soalan Biodata Diri Pemaklum

- (i) Boleh saya tahu nama tuan/puan ?
- (ii) Berapa umur tuan/puan sekarang?
- (iii) Boleh saya tahu latar pendidikan tuan/puan?
- (iv) Boleh saya tahu pekerjaan tuan/puan sekarang?
- (v) Berapa pendapatan bulanan tuan/puan secara kasar?

(C) Soalan Pandangan Pemaklum

- (i) Apa pandangan tuan/puan tentang bandar Kuching dahulu dan sekarang?
- (ii) Bagaimanakah Kuching mendapat namanya?
- (iii) Apa pandangan tuan/puan tentang kepelbagaian kaum/etnik di Sarawak?
Atau
- (i) Apa pandangan tuan/puan tentang Program Latihan Khidmat Negara?
- (ii) Adakah program ini dapat menangani permasalahan sosial di kalangan remaja?
- (iii) Apakah kelebihan atau kelemahan yang wujud dalam program ini?

Membaca Senarai Kata

Di sini saya lampirkan sejumlah daftar kata, saya minta tuan/puan membaca dengan kuat senarai kata ini.

(D) Soalan Pengalaman Pemaklum

- (i) Adakah tuan/puan pernah ke Semenanjung Malaysia?
(Jika Ya)
- (ii) Di mana tempat yang tuan/puan kunjungi semasa di sana?
- (iii) Apa yang menarik tentang tempat yang dikunjungi itu?
- (iv) Apa barangan menarik tuan/puan bawa pulang?
(jika Tidak)
- (ii) Di mana tempat yang pernah tuan/puan kunjungi?
- (iii) Apa yang menarik tentang tempat yang dikunjungi itu?
- (iv) Apa barangan menarik tuan/puan bawa pulang?

Membaca Petikan Cerita

Di sini terdapat sebuah petikan cerita, saya ingin tuan/puan membacanya dengan kuat dan jelas.

(E) Pencungkilan Gaya Bersahaja

- (i) Apakah peristiwa yang tidak dapat tuan/puan lupakan sehingga sekarang?
- (ii) Apakah pengalaman yang paling manis/lucu dalam hidup tuan/puan ketika dalam alam persekolahan atau semasa kecil?
- (iii) Apakah impian yang ingin tuan/puan capai dalam hidup ini?
Atau
- (i) Dalam kerjaya tuan/puan sebagai _____ apakah pengalaman yang menarik atau yang tidak boleh dilupakan?
- (ii) Apakah terdapat sebarang masalah sepanjang kerjaya tuan/puan sebagai _____?
- (iii) Apakah impian tuan/puan dalam kerjaya atau keluarga?

LAMPIRAN A1

Senarai Kata

saya	mereka	gurau
limau	kota	ramai
kereta	haram	tawar
hati	lama	hitam
juga	sungai	suka
seluar	surau	lima
kita	pasar	hilang
pandai	habis	bayar
pulau	pakai	dua
keluar	silau	sampai

Petikan Cerita

Langit merah silau menyinar kota sungai yang kelihatan tenang dan sedikit sepi. Tidak seperti selalu, ruang santai lapik buluh di kawasan *riverside* Kuching menghadap ke Sungai Sarawak kelihatan agak lengang dan pelik dengan hanya beberapa meja dipenuhi pengunjung. Mungkin kesan SARS masih belum hilang menghantui pengunjung dan juga pelancong asing sehingga mereka berhati-hati untuk datang ke bandar raya ini. Namun kegiatan harian penduduk tempatan yang menjalankan perniagaan menjual buah-buahan seperti limau, anggur dan buah-buahan tempatan di kaki lima dibuka seperti biasa walau kesan SARS masih terasa.

Terdapat lebih 30 buah sampan menggunakan enjin sangkut yang sering beroperasi membawa penumpang dan pelancong yang berulang-alik dari bandar naik ke seberang terutama di kampung-kampung Melayu Lama di kawasan Kg. Astana, Kg. Lintang, Kg. Pulau dan Kg. Tupong di sekitar bandar Kuching. Sungai Sarawak antara sungai terpanjang di Malaysia menjadi sumber yang baik penduduk tempatan keluar mencari rezeki setiap hari. Selain nelayan, sungai ini menjadi jalan penghubung orang ramai sejak dahulu antara kawasan kota dan pedalaman Sarawak.

(Petikan: "Sarawak Kunjungan yang Sentiasa Segar" oleh Haji Hassan Morad, *Majalah Anis*, Ogos 2003 dengan beberapa pengubahsuaian)